

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 36 RABU 15 DISEMBER, 1965. 1385 رابو 22 شعبان PERCHUMA

D.Y.M.M. Menyeru Ra'ayat Supaya Mempelajari Ugama Islam Dengan Bersungguh²

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menyeru kepada ra'ayat dan penduduk negeri ini khas-nya supaya mereka yang menganut Ugama Islam akan bersungguh² mempelajari mata pelajaran dan mendalami ilmu pengetahuan ugama yang sa-benar-nya.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melafadzkan titah ucapan tersebut sa-belum Baginda menyampaikan hadiah² kepada pemenang² Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam Sabtu yang lalu.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan sapenoh-nya ada-lah seperti berikut: "Al-hamdulillah saya bershukor kepada Allah, dan mengucap selawat serta salam kepada Junjongan kita Saidina Muhammad s.a.w. dan para sahabat serta pejuang² Islam sekalian.

SA'AT YANG BERBAHAGIA

Pada sa'at yang berbahagia ini, saya juga mengucap shukor kepada Tohan ia-itu pada malam ini ia-lah upacara atau perayaan membachaa ayat² suci, Al-Koran nul Karim yang ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei telah datang beramai² pada mera'ikan bersama².

Saya perchaya dengan ada-nya semangat ra'ayat dan penduduk maka yang demikian, mutu bachaan Al-Koran dan isi² kandungan Al-Koran akan bertambah tinggi dan laila difahami oleh penuntut² dan mereka yang mempelajari-nya.

Al-Kor'an ada-lah sa-buah kitab yang di-turunkan oleh Tohan kepada Saidina Muhammad s.a.w. yang dapat di-jadikan panduan untuk kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat.

Oleh yang demikian ada-lah menjadi tanggungan sa-tiap orang² Islam mempelajari ilmu mata pelajaran dan mendalami pengetahuan Ugama-nya.

Awang² dan Dayang², sekarang ini Kerajaan saya berusaha mendirikan masjid² dengan chantek-nya di-da'erah² sesuai dan tidak-lah berkurang jika di-bandingkan dengan rancangan perkembangan negeri ini, apa yang saya harapkan ia-lah samoga masjid² yang indah permai di-Negeri Brunei kita ini dapat di-gunakan oleh ra'ayat dan penduduk yang beragama Islam bukan hanya atau

(Lihat muka 4)

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini di-kawasan Sekolah Melayu Sungai Kebun semasa Baginda berchemar Duli ka-sekolah itu pada pagi hari Sabtu 11 Disember, 1965 untuk menyampaikan Perisai Kedatangan. Gambar ini di-ambil pada masa di-adakan upacara menaikkan Bendera Brunei dan nyanyian Lagu Kebangsaan.



Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Berakas pada petang hari Ahad 12 Disember, 1965 semasa Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berjalan menuju ka-kapal terbang untuk berangkat ka-United Kingdom.

D. Y. M. M. Berangkat Ka-United Kingdom

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah selamat berangkat ka-United Kingdom dengan kapal terbang dari Lapangan Terbang Berakas pada petang

hari Ahad 12 Disember, 1965. Baginda telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman serta rombongan. Sa-lepas keberangkatan Duli

Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-United Kingdom, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim telah mengangkat sun-pah di-Istana Darul Hana sebagai Timbalan Sultan.

Waktu Bekerja Dalam Bulan Puasa

BANDAR BRUNEI. — Waktu bekerja di-Pejabat² Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei dalam Bulan Ramadhan ada-lah seperti berikut:

Hari Ithnin hingga ka-hari Khamis dan hari Sabtu: Dari jam 8.30 pagi hingga ka-jam 3 petang.

ROMBONGAN PENGAKAP2 DARI BRUNEI KA-JAMBOREE PENGAKAP DI-BANGKOK SELAMAT SAMPAI DI-SINGAPURA

SINGAPURA. — Rombongan Perwakilan Pengakap dari Negeri Brunei telah sampai di-Singapura dengan kapal laut dari Brunei melalui Labuan dan Jesselton baru2 ini dalam perjalanan mereka ka-Bangkok, ibu kota Thailand untuk menghadiri Jamboree Pengakap2 Antara Bangsa di-sana yang telah di-mulai pada 9 Disember dan di-jadualkan berakhir pada hari ini.

Demikian menurut laporan Wartawan Ahmad Arshad yang juga menghadiri Jamboree Pengakap2 tersebut sebagai salah sa-orang daripada Wakil2 Pengakap2 dari Brunei.

Rombongan Pengakap2 dari Brunei telah belayar dari Brunei ka-Labuan dengan menaiki sebuah kapal Kerajaan pada 27 November, 1965, kata-nya.

Mereka telah di-sambut oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah Labuan Awang Van Evalina semasa tiba di-Labuan pada jam 11 pagi hari tersebut.

Pada jam 8 malam Pengakap2 dari Labuan telah mengadakan satu temasha Unggun Api sebagai meraikan lawatan Pengakap2 dari Brunei itu dan kira2 2 jam 40 minit kemudian-nya rombongan Pengakap2 dari Brunei itu telah menguchapkan "Selamat Tinggal" kepada Pengakap2 di-Labuan dan belayar ka-Jesselton dengan kapal laut.

Semasa berada di-Labuan Pengakap2 dari Brunei itu telah dibawa melawat ka-beberapa tempat di-sana, antara-nya ia-lah Tanah Perkuburan Askar2 Inggeris, Tamu Ahad dan Lapangan Terbang Labuan.

Di-Jesselton pula rombongan Pengakap2 dari Brunei telah berpeluang melawat ka-Studio Radio Malaysia Sabah, Tanjong Aru, Pasar Besar, Gerai Jualan, Kedai2 yang baru di-bena dan Pejabat2 Akhbar.

Rombongan tersebut telah belayar dari Jesselton ka-Singapura dengan Kapal RAJAH BROOKE. Dalam pelayaran tersebut, kapal itu telah singgah di-Miri dan Pending.

PENGAKAP2 DARI BRUNEI MENDAPAT KEPUJIAN

Lebeh lanjut lagi, menurut laporan Wartawan Ahmad Arshad, Pengakap2 dari Brunei telah di-berikan kepujian oleh Kapitan Kapal tersebut, Kapitan Parker, kerana "kepatuhan kami sebagai Pengakap dan kerana kami mempunyai sopan santun yang memuaskan semasa dalam pelayaran".

Pengakap2 itu juga telah di-beri peluang oleh Kapitan kapal tersebut untuk melawat sambil memerhati chara2 kapal Rajah Brooke itu menguasai perjalanan, sama ada siang atau pun malam.

Mereka juga telah di-berikan peluang untuk mengemukakan pertanyaa2 yang bersangkut paut dengan perjalanan kapal.

Menerusi akhbar PELITA BRUNEI ini, Pengakap2 tersebut berasa sukachita menguchapkan terima kasih kepada Kapitan Parker, ia-itu Kapitan Kapal Rajah Brooke itu yang telah memberikan berbagai2 pertolongan kepada Pengakap2 dari Brunei semasa dalam pelayaran mereka dari Jesselton ka-Singapura.



Pintu Gerbang yang di-bangunkan oleh Pejabat Perubatan Labi sebagai menyambut Hari Jadi Duli

Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan oleh penduduk2 Mukim Labi pada awal bulan ini.

Seruan Pengelola Persatuan2 Belia Kapada Belia2 Dalam Negara

BANDAR BRUNEI. — Pengelola Persatuan2 Belia, Jabatan Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah sukachita menyeru kapada semua persatuan2 (Belia) khas-nya dan khusus kapada ahli2 yang mempunyai bakat dan berminat supaya mengambil peluang turut serta dalam peraduan2 yang sekarang sedang terbuka kapada mereka.

Beliau menegaskan, bukan menchari kemenangan atau untuk mendapat hadiah tetapi adalah sa-mata2 terbit dari "jiwa kemasharakatan".

Ahli2 persatuan hendak-lah menggunakan nama (alamat) persatuan masing2 dan ini adalah dermabakti dari sa-sorang

ahli kapada persatuan-nya sendiri, kata-nya.

Selanjut-nya Awang Zulkiflie berkata, "Panjangan-lah kapada seluroh ahli lain-nya supaya terus bergiat dalam berpersatuan. Harum-nya nama persatuan adalah juga mengharumkan nama masharakat di-sekeliling persatuan itu sendiri di-mana ia-nya berada, dan sudah tentu keharuman sa-tiap ahli juga.

Sekarang ada beberapa jenis peluang terbuka kapada Awang2 dan Dayang2 sekalian; mital-nya:

- * a) Peraduan Cherpen untuk kanak2, anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei,
- * b) Peraduan Cherpen atau menulis cherita pendek

bebas, anjoran Persatuan Asterawani, Brunei, dan

* c) Peraduan menulis Sajak bebas, juga anjoran Persatuan Asterawani, Brunei.

Masoki-lah peraduan2 ini untuk menyalorkan minat para ahli yang mempunyai bakat. Berikanlah sambutan baik daripada persatuan2 Awang2 dan Dayang2."

Beliau menguchapkan selamat bertugas dan selamat berjaya kapada belia2 tersebut.

Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha Menyampaikan Perisai Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M. Kapada S.M. Puni

PUNI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan perisai kedatangan ka-Sekolah Melayu Puni, Daerah Temburong dalam satu upacara di-sekolah tersebut pada pagi hari Sabtu 11 Disember, 1965.

Duli Pengiran Pemancha, selaku wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memberi pujian atas kejayaan sekolah tersebut merebut perisai Kedatangan Kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Turut memberi ucapan di-majlis itu ia-lah Pegawai Pelajaran Negera Brunei, Awang M. McInnes.

Dalam ucapan-nya Awang McInnes berkata antara lain2 kejayaan sekolah tersebut memperoleh perisai itu membuktikan yang murid2 di-Sekolah itu rajin datang ka-sekolah untuk belajar.

Beliau juga perchaya kerajinan murid2 di-Sekolah Melayu Puni datang bersekolah ia-lah di-sebabkan kerjasama guru2, ibu bapa dan penjaga murid2.

Kelas2 Pelajaran Dewasa

BANDAR BRUNEI. — Semua Kelas2 Pelajaran Dewasa (Kelas Dewasa Pelajaran Rendah, Menengah, Trengkas, Menaip, Ilmu Menyimpan Kira2, Urusan Rumah Tangga dan Bahasa Melayu bagi orang yang bukan Melayu)

telah di-tutup kerana kelepasan persekolahan Penggal Ketiga mulai 11 Disember, 1965.

Kelas2 Dewasa tersebut akan di-buka balek pada 1 Februari, 1966.

D.Y.M.M. Berchemar Duli Ka-Sekolah Melayu Sungai Kebun

KAMPONG SUNGAI KEBUN.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Sekolah Melayu Sungai Kebun pada pagi hari Khamis 9 Disember, 1965 untuk menyampaikan Perisai2 Kedatangan Kurniaan Baginda.

Sekolah Melayu Sungai Kebun telah memenangi Perisai Kedatangan tersebut sebagai Sekolah Melayu yang mempunyai kedatangan yang terbaik sekali dalam tahun ini antara Sekolah2 Melayu dalam Bandar Brunei.

Pemenang antara Darjah2 Menengah di-Sekolah Menengah

Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam ia-lah Tahun Satu L.

NASEHAT

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah juga bertitah di-majlis tersebut, mengandongi nasehat yang berharga dan berfaedah, bukan sahaja untuk murid2 sekolah, bahkan untuk masharakat sa-uniom-nya.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lokan bin Uking dan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Brunei Satu, Awang Shahbudin

bin Saleh.

Sa-lepas Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menyampaikan Perisai2 tersebut, sa-orang murid sekolah telah menyanmbahkan chenderamata, berupa sa-buah lukisan kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis itu di-akhiri dengan Bacahan Do'a Selamat oleh Ustadz Abdul Wahab bin Haji Ridin, Guru Besar Sekolah Uga-ma, S.M.J.A. Bandar Brunei.

Kemudian jamuan ringan di-edarkan dan di-turuti dengan persembahan tarian2 kebudayaan Melayu oleh murid2 dari Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei.

Duli Pengiran Bendahara Perchaya Bachaan Al-Koran Di-Negeri Brunei Memperolehi Kemajuan

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara berkata sa-belum merasmikan pembukaan pada malam Juma'at yang lalu bahawa beliau perchaya bachaan Al-Koran di-Negeri Brunei ini beroleh kemajuan dari sa-tahun ka-sa-tahun dan dapat-lah di-banggakan oleh penduduk2 di-negeri ini.

Y. A. M. Pengiran Shahbandar menyampaikan Perisai Kedatangan kepada S. M. Pengiran Muda Mahkota

KUALA TUTONG. — Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh, Kadzi Besar Brunei, sebagai wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, telah menyampaikan Perisai Kedatangan Kurniaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kepada Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong pada pagi hari Sabtu 11 Disember, 1965.

Dalam ucapan nasehat kepada murid2 sekolah tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, antara lain, berkata bahawa jangan-lah hendak-nya murid2 sekolah itu meninggalkan pelajaran Ugama Islam, kerana di-dalam-nya ada mempunyai hikmat dan petunjuk bagi hidup di-dunia dan di-akhirat.

Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, telah berhasil memperolehi Perisai Kedatangan Kurniaan Duli Yang Maha Mulia sebagai Sekolah Melayu di-Daerah Tutong yang terbaik sekali mengenai kedatangan murid2 dalam tahun 1965.

SHA'ER RAKIS

BANDAR BRUNEI. — Awang Mohamed Ali Tamin yang telah mengupas Buku Sha'er Rakis sebagaimana yang telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 8 Disember, 1965 mendapati bahawa terdapat kesilapan mengenai sa-rangkap sha'er yang beliau menukil dari Sha'er Rakis, karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Mohamed Salleh ibnu Pengiran Sharma-yuda, Rangkap Sha'er yang tersilap di-nukil itu ia-lah:

Pulau Labuan di-pinta segera
Tempat menaikkan tiang bendera
Di-sana-lah tempat berkira-kira
Dari Labuan ka-Singapura

Untuk membetulkan kesilapan tersebut di-bawah ini di-peturunkan rangkap sha'er yang sa-benar-nya yang di-nukil dari pada sha'er itu, yang berbunyi:

Pulau Labuan di-minta segera
Akan tempat tiang bendera
Di-sana tempat berkira-kira
Dari Sarawak ka-Singapura

Harap Ma'af. — Mohd. Ali Tamin, Pengarang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

khass-nya kepada Johan dan Naib Johan yang akan mewakili negeri kita nanti.

"Di-samping itu, saya berharap kepada ra'ayat Negeri Brunei ini supaya sentiasa menanamkan perasaan saling mengerti dan hormat menghormati antara satu sama lain dan memberikan kerjasama yang rapat kepada Kerajaan dalam sa-tiap usaha yang mendatangkan kebajikan kepada ra'ayat negeri ini.

"Sa-bagai chontoh: Baru2 ini negeri kita telah di-serang oleh wabak Kolera. Saya sangat-lah berbangga kerana ra'ayat negeri ini memberikan kerjasama kepada Kerajaan di-mana wabak tersebut dapat di-kawal dengan rapi-nya sa-telah ra'ayat negeri ini menahut seruan Kerajaan dan menurut nasehat2 yang diberikan oleh Jabatan Perubatan negeri ini. Begitu-lah hendak-nya di-lakukan oleh ra'ayat negeri ini pada sa-tiap waktu."

BERDO'A

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara akhir-nya berdo'a sa-moga negeri ini di-lindungi oleh Tohan daripada segala marabahaya dan berharap supaya kejayaan dapat dichapai dengan gemilang-nya oleh peraduan tersebut dan peserta2 yang akan mewakili negeri ini beroleh kejayaan di-Peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa yang akan di-langsungkan di-Kuala Lumpur dalam bulan Januari hadapan.

Kemudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara pun merasmikan pembukaan Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Seluruh Negeri Brunei dengan berkata, "Dengan mengucap Bismillah Hilrahman Nilrahim, saya merasmikan peraduan membachaa Al-Koran Sa-Negeri Brunei Tahun Hijrah 1385 ini".

PENGETUA UGAMA AKAN MERASMIKAN PEMBUKAAN MASJID BARU PENGKALAN BATU

PENGKALAN BATU. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin akan merasmikan pembukaan Masjid Baru Pengkalan Batu pada pagi hari Juma'at 17 Disember, 1965.

Menurut achara pembukaan rasmi Masjid itu majlis tersebut di-mulai pada jam 8.35 pagi dengan mengadakan istiadat menaikna Bendera Brunei dan nyanyian Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin akan merasmikan pembukaan Masjid tersebut pada jam 9 pagi.

Kemudian Awang Hasbollah bin Md. Samad akan Membachaa Al-Koran.

Sa-lepas itu ucapan2 akan di-

Majlis Perpisahan Guru2 Ugama Di-Daerah Brunei Dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Guru2 Ugama di-Kelas Guru, Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan Majlis Perpisahan bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 11 Disember, 1965.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan beberapa orang Pegawai Kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei ia-lah diantara ramai para hadirin di-majlis tersebut.

Satu ucapan yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Penyusun dan Pengelola Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Awang Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan; Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara, Ustadz Abdul Rahman bin Khattib Abdullah; Ketua Guru di-Kelas Guru Daerah Brunei dan Muara, Chegu Abdul Wahab Haji Ridin; Pengerusi Majlis tersebut, Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Setia Usaha majlis itu, Chegu A. Zainal Abdul Kahar, dan oleh beberapa orang Guru2 Ugama lelaki dan perempuan.

Majlis itu di-mulai dengan Bachaan Al-Koran oleh Chegu Abdullah bin Lakim yang telah berjaya baru2 ini menyandang gelaran sebagai Johan Bachaan Al-Koran Seluruh Negeri Brunei.

Ustadz Abdul Kadir Awang telah tidak ketinggalan menyebarkan Nashid dengan iringan Gambus. Begitu juga beberapa orang Guru2 Ugama telah turut bernashid di-majlis itu.

Selain dari itu, para hadirin telah memerhatikan jamuan makan dan minum sa-belum mengucapakan SELAMAT BERPISAH antara satu dengan lain.

PERUBAHAN MASA BEKERJA DI-PEJABAT2 KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Masa bekerja di-Pejabat2 Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei telah di-ubahkan mulai pada hari Ithnin 13 Disember, 1965, seperti berikut:

Pada tiap2 hari, dari hari Ithnin hingga ka-Hari Khamis dan pada hari Sabtu ia-lah dari jam 7.30 pagi hingga ka-jam 12.15 tengah hari dan dari jam 1.15

petang hingga ka-jam 4 petang.

Hari2 Juma'at dan Ahad ditetapkan sebagai Hari Kelapasan biasa.

Menurut jadual lama, Pejabat2 Kerajaan di-seluruh negara dibuka mulai dari jam 7.30 pagi hingga ka-jam 12.30 tengah hari dan mulai dari jam 1.30 petang hingga ka-jam 4 petang.

D.Y.M.M. Menyeru Ra'ayat Supaya Mempelajari Ugama Islam Dengan Bersungguh2

(Dari Muka 1)

di-samping tempat kita semua berdiri sembahyang berjema'ah tetapi juga di-gunakan untuk tempat belajar dan mengajar dan beramai2 hadir bagi mendengarkan sharahan2 dari 'alim ulama dan demikian juga sa-kira-nya masjid2 tersebut di-gunakan sa-bagai bertempat mengadakan pelajaran Kelas Dewasa.

Awang2 dan Dayang2 sakalian, Sabagaimana yang Awang2 dan Dayang2 ma'alum bahawa negeri kita sekarang ini telah dan sedang dalam mengelok-kan pembangunan, dan perkembangan kemajuan dalam negeri dengan harapan pada membuahkan hasil2 yang laila munafa'at bagi kema'amoran negara kita Brunei mudah dan subur laila berkekalan dalam keadaan aman dan bahagia.

Ada-lah menjadi dasar laila hakikat sa-tiap negara yang chintakan ketenteraman dalam aman damai berusaha dengan sa-daya upaya-nya pada menyatu padukan ra'ayat dan penduduk di-dalam negeri-nya kaarah semangat berbaik2, dan memupok semangat bekerjasama dengan sa-mata2 berharap atau mengharap-kan supaya ra'ayat dan penduduk negeri-nya mengambil perhatian dan lebih mengutamakan kepada usaha2 yang benar memberikan kebajikan kepada ra'ayat dan penduduk dalam-nya di-samping pada mengelolakan mengamal dan memelihara semangat chintakan kepada keamanan dan mengawal keselamatan.

SEMANGAT RA'AYAT

Insha Allah dengan ada-nya semangat ra'ayat yang sedemikian, kita

PERTANDINGAN BINTANG RADIO DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada 1 dan 2 Januari, 1966 mulai jam 7.30 malam.

Kumpulan Lori2 Jabatan Kerja Raya di-Bandar Brunei telah pindah ka-kawasan yang baru di-Wokshop J.K.R. baru2 ini. Pegawai2 dan anggota2 Kumpulan Lori2 J.K.R. kelihatan dalam gambar ini di-hadapan Pejabat Baru Kumpulan Lori2 itu.



ra'ayat dan penduduk Brunei dapat mengamalkan-nya saya perchaya perpaduan laila erat ka-arrah kebajikan dan usaha Kerajaan saya pada melaksanakan ranchangan perkembangan dan kemajuan yang di-dorong-kan oleh Tohan akan berjalan dan berbahagia kesempurna'an-nya.

Saya sangat-lah sukachita dan ingin menyampaikan tahniah yang sa-tinggi2-nya kepada peserta2 yang berjaya menyandang johan dan naib johan dalam kedua2 bahagian pertandingan ini, dan berharap kepada chalun2 yang belum bernasib baik supaya mereka tidak-lah berputus harapan berusaha untuk bertanding di-peraduan membacha Al-Kor'an ditahun yang akan datang.


Pada mengakhiri-nya saya berseru kepada ra'ayat dan penduduk khas-nya mereka yang menganut Ugama Islam akan bersungguh2 mempelajari mata pelajaran dan mendalami ilmu pengetahuan ugama yang sa-benar-nya.

Kapada peserta2 yang akan mewakili negeri ini di-upacara peraduan membacha Kor'an di-Kuala Lumpur mudahan dapat kejaya'an."



Gunakan- lah Bahasa Melayu

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah mengangkat sumpah sebagai Timbalan Sultan di-Istana Darul Hana pada petang hari Ahad 12 Disember, 1965, ia-itu sa-lepas Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berangkat ka-luar negeri. Dalam gambar ini kelihatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Isteri semasa menguchapkan Selamat Berangkat ka-United Kingdom kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Lapangan Terbang Berakas pada petang hari Ahad yang lalu.



Satu majlis Mengangkat Sumpah anggota2 Pasokan Palang Merah, Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei telah di-adakan di-halaman Sekolah Melayu S.M.J.A. pada pagi hari Rabu yang lalu. Sijil2 dan hadiah2 kepada anggota2 Pasokan Palang Merah tersebut yang mengangkat sumpah telah di-sampaikan oleh Naib Yang Dipertua Persatuan Palang Merah Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Moha-

med. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis tersebut. Dudok dari kiri mulai bilangan kedelapan ia-lah Nadzir Sekolah2 Melayu Brunei Satu, Awang Shahbudin bin Saleh; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed; Pengarah Palang Merah Negeri Brunei, Awang Palaniandy, Guru Besar Sekolah Melayu S.M. J.A. Chegu Sabtu bin Mohamed dan lain2-nya.

Tarikh Mulai Berpuasa

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan kerjasama Jabatan Ukur Brunei akan melihat anak bulan Ramadhan 1385 pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965 untuk menentukan tarikh mulai berpuasa tahun hijrah 1385 bagi Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei.

Jika anak bulan Ramadhan kelihatan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965, maka permulaan Puasa akan jatuh pada hari Juma'at 24 Disember, 1965.

Jika anak bulan Ramadhan tidak kelihatan pada petang hari Khamis 23 Disember, 1965, maka Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan berpuasa mulai pada hari Sabtu 25 Disember, 1965.

DUNIA HARI INI

ZAMBIA DALAM SO'AL KRISIS RHODESIA

— Oleh Hanafi Joffri —

LEBEH dari sebulan lama-nya, London dan Salisbury menjadi dua ibu negara utama, mengemukakan kechaman, dan sebagai-nya yang di-lemparkan terhadap satu dengan lain, akibat pengistiharan kemerdekaan sechra ber-sendirian, oleh Ian Smith, di-Rhodesia.

Dunia ma'lom akan tindak-kan2, yang di-ambil oleh kedua2 buah negara tersebut, selain dari banyak lagi kuasa2 asing, teru-tama sekali di-Afrika yang menentang Ian Smith. Tindakan dari Britain terhadap pemerentahan Salisbury setakat ini, ia-lah sekatan2 ekonomi dan penangguhan pengiriman bekalan minyak, ka-negeri itu.

Semua perhatian dunia tertumpu kepada London dan Salisbury, tetapi minggu lepas, akan hal itu berpindah ka-Lusaka, ibu negara Zambia, ya-itu wilayah yang sekarang terikat kepada satu kesulitan, yang akan berpanjangan, akibat dari perkara yang sama, oleh Ian Smith.

Kerajaan Zambia di-sebelah Utara, tetanga Rhodesia, pimpinan President Kenneth Kaunda, ada-lah di-jangkakan oleh lain2 pemerentahan kulit hitam, di-Afrika sebagai regime, yang akan memimpin perjuangan menentang Ian Smith, dan kerajaan-nya yang di-tadbirkan oleh gulungan minority, orang2 kulit putih.

Kenneth Kaunda tentu-nya ingin, dan sedia untuk mengalahkan pemerentahan kulit putih di-Salisbury, tetapi langkah ini tidak-lah di-laksanakan dalam satu peperangan perkauman.


Apa yang di-perlukan oleh Kenneth Kaunda ia-lah, sapaya askar2 kulit putih British, di-bawa masuk ka-Rhodesia, untuk mengulingkan pemerentahan Ian Smith. Tetapi bagaimana pula sikap Britain terhadap keinginan Kenneth Kaunda itu.

Menurut keputusan Britan baru2 ini Perdana Menteri-nya Harold Wilson, nampak-nya belum lagi bersedia untuk menghadapi akibat, yang terbit dari tindakan askar2 di-raja baginda

ini berkata, jika dia meminta bantuan dari Russia, dia akan mempunyai peluang baik untuk di-tawan, dan pada ketika itu juga dapat di-selamatkan.

Walaupun demikian, Kenneth

President Zambia, Kenneth Kaunda yang mendesak Britain supaya menghantarkan askar2-nya masuk ka-Rhodesia, untuk mengulingkan pemerentahan Ian Smith. Di-lahirkan di-Rhodesia Utara dalam tahun 1924.



Queen itu, menembak askar2 kulit putih British di-Rhodesia.

Dalam lain2 perkataan, Harold Wilson belum lagi mahu menghantarkan askar2-nya, masuk ka-Rhodesia, melawan askar2 Ian Smith yang juga dari gulungan kulit putih, yang boleh melibatkan perang saudara antara Britain dengan Rhodesia, kulit putih.

Kemudian bagaimana pula pendapat Kaunda, setelah kemahuan-nya itu tidak membuahkan hasil yang memuaskan. Kaunda dalam satu kenyataan-nya baru2

Kaunda sedar akan kesulitan dalam segi ekonomi, yang di-hadapi-nya dari Salisbury, kerana pemerentahan Ian Smith mempunyai kuasa-nya yang tersendiri, untuk memencilkan Zambia dari mengadakan perhubungan pasaran dengan Rhodesia, dan memotong bekalan kuasa elektrik ka-kawasan, yang mengeluarkan hasil tembaga, di-sekitar Ndola.

Ini ada-lah di-sebabkan kerajaan Salisbury menguasai penuh, dan mengawal jentera2 generator dan turbine, yang memberikan tenaga Ampangan Kariba di-

sungai Zambezi, ya-itu sungai yang menjadi perbatasan kepada kedua2 negeri itu.

Projek Ampangan Kariba siap pembenaan-nya dalam tahun 1960, di-bawah scheme Persekutuan Afrika Tengah. Ia-nya ada-lah membekalkan kuasa elektrik, kepada kedua2 negara Rhodesia dan Zambia, dan yang menjadikan lebih rapat kedudukan antara kedua2 wilayah itu.

Selama dua minggu, Kenneth Kaunda telah menuntut Britain, supaya sekurang2-nya, menghantarkan pasokan2 tentera-nya, untuk mengecualikan kedudukan pusat perbekalan tenaga elektrik, yang letak-nya di-sebelah bahagian, sungai kawasan Rhodesia. Kenneth Kaunda memberikan pendapat, bahawa askar2 Ian Smith tidak akan melepaskan tembakan, ka-atas askar2 British jika mereka menyebrangi Ampangan itu. Tetapi akan hal ini, Harold Wilson tidak dapat memberikan jaminan.

Sebaliknya Wilson telah menawarkan sepasokan angkatan bersenjata yang mengandungi satu squadron kapal2 terbang pejuang dan satu battalion askar2 Di-Raja Scot, untuk di-tempatkan di-daerah lombong yang mengeluarkan hasil tembaga, 250 batu ka-Utara Ampangan Kariba.

Kenneth Kaunda telah menerima kiriman kapal2 terbang British untuk melindungi ruang angkasa-nya, kerana Zambia hanya mempunyai 10 buah kapal terbang tentera. Tetapi Kaunda menolak tawaran pengiriman askar2, kechuali battalion askar British itu di-hantarkan sechra langsung ka-kawasan ampangan.

Sekarang, ini-lah yang menjadi satu soal yang besar kepada Britain, setelah sepuluh buah kapal terbang pejuang jet jenis Javelin dan beberapa buah kapal terbang pengangkutan, tiba di-Ndola minggu lepas.

Ada-kah Kaunda nanti berusaha pula untuk mendapatkan bantuan tentera dari negara2 Afrika, kemudian jika benar bagaimana pula kedudukan tentera British untuk mengamankan Ampangan Kariba. Ini ada-lah juga satu lagi soal utama yang di-hadapi oleh Britain, dan Zambia, akan akibat tindakan-nya itu nanti.

Sementara itu, sekatan2 ekonomi yang di-jalankan terus oleh Britain tidak-lah merupakan agak aneh. Kerana selain dari penangguhan yang di-konakan ka-atas barang2 Rhodesia, seperti tembaku dan gula, ya-itu hasil pertanian utama Rhodesia, Britain juga telah mengharamkan memasukkan barang2 seperti asbestos, barang export Rhodesia yang berharga 30 juta ringgit, di-masukkan ka-Britain tahun lepas, tembaga, bahan2 krom, besi waja, lithium dan daging.

Menurut chatetan, ini ada-lah mengakibatkan 95 peratus, barang2 yang menjadi penangguhan kepada Rhodesia oleh Britain.

Britain juga telah mengharamkan stem2 bahru Rhodesia, yang di-tampalkan kepada surat2 dan bungkosan ka-United Kingdom. Sekatan2 kewangan juga telah di-laksanakan ka-atas Salisbury.

Sekarang Britain telah mengenakan penangguhan ka-atas barang2 export Rhodesia ka-Britain. Ada-kah lain jalan yang Ian Smith semesti melakukannya, untuk mendapatkan pasaran. Selain dari Britain, terdapat juga banyak negara2 asing yang memulaukan barang2 export Rhodesia, tetapi ada kemungkinan jika Ian Smith mengeksportkan barang2-nya itu, ka-Afrika Selatan, untuk mengendurkan penangguhan dari Britain yang dibuat selama waktu, yang belum dapat di-tentukan, itu.

Mungkin ini hanya-lah satu jalan ka-luar bagi Ian Smith untuk memelihara kedudukan ekonomi-nya yang semakin merosot, di-sebabkan oleh pemulauan dari luar.

HALAMAN UGAMA

Mulia-nya Orang Yang Berpuasa

Oleh:

Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

DALAM sabuah Hadith Kudsi, Tuhan berfirman melalui Nabi-Nya: "Tiap2 amalan kebajikan yang di-lakukan oleh anak Adam ada-lah untuk-nya sendiri, melainkan PUASA, maka ia ada-lah untuk-ku, dan aku-lah yang akan membalas pahala kerana-nya."

Sabda Nabi Mohammad s.a.w. "Apabila masuk sahaja Bulan Ramadhan, terbuka-lah pintu2 shurga dan tertutup-lah pintu2 neraka, dan segala shaitan di-erantai dan di-belanggu. Sa-orang malaikat di-perintahkannya supaya berseru: Hai orang2 yang suka mengerjakan kebajikan. Hai orang2 yang suka melakukan kejahatan, hentikanlah daripada melakukan ke-

jahatan-mu itu."

Daripada dua buah Hadith yang tersebut di-atas tadi, dapatlah kita bayangkan gambaran yang nyata, hingga ka-mana mulia-nya bulan puasa (Bulan Ramadhan), dan sa-takat mana mulia-nya dan besar-nya pahala orang2 yang melakukan ibadah berpuasa di-bulan itu.

Berpuasa pada Bulan Ramadhan ada-lah menjadi salah satu Rukum Islam yang lima. Wajib-nya sa-sa-orang melakukan puasa ada-lah seperti wajib-nya sa-sa-orang mengucap dua kalimah

shahadat, melakukan sembahyang dan seperti wajib-nya sa-sa-orang menyampurnakan Fardhu Haji.

Kalau sembahyang dan mengucap dua kalimah shadat wajib di-lakukan sa-tiap hari, kalau ibadah Haji hanya di-wajibkan sa-umur hidup sa-kali, maka berpuasa di-wajibkan sa-tahun hanya sa-bulan dalam Bulan Ramadhan, sama juga dengan zakat yang di-wajibkan hanya sa-tahun sa-kali.

Berbahagia sunggoh-lah orang yang menunaikan Fardhu puasanya mengikut segala aturan2-nya, dan besar-lah dosa orang2 yang meninggalkan-nya dengan tiada keudzoran.

(BERSAMBONG)

KERJA2 KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penterjemah Kanan di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 hendak - lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya; dan

(b) Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam selok-belok penterjemahan sekurang2-nya selama 3 tahun; atau

(c) Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam kedua2 bahasa Melayu/Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penterjemahan sekurang2-nya selama lima tahun, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya. Kelebehan dan pertimbangan khas akan di-beri pada mereka yang mempunyai pengalaman dari tujuh tahun ka-atas.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa perhubungan. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Januari, 1966.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 Disember hingga ka-hari Selasa 21 Disember, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
15	12-20	3-39	6-16	7-31	4-46	5-01	6-19
16	12-21	3-40	6-16	7-31	4-47	5-02	6-20
17	12-22	3-41	6-17	7-32	4-48	5-03	6-21
18	12-22	3-41	6-17	7-32	4-48	5-03	6-21
19	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
20	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
21	12-24	3-43	6-19	7-34	4-50	5-05	6-23

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PENOLONG JURUTERA AYER

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sebagai Penolong Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus peperiksaan "Institution of Civil Engineers" Bahagian I dan II, atau mempunyai ijazah kejuruteraan atau diploma yang membebaskan dari peperiksaan yang tersebut di-atas, dari sa-buah Universiti atau maktab yang di-akui.

Setelah memperolehi kelayakan yang tersebut, chalon2 mesti-lah memperolehi pengalaman selama tidak kurang dari dua tahun (tambahan kepada pengalaman professional yang lain) dalam kerja pembekalan ayer moden, sama ada dalam bidang pengelolaan dan memelihara, berkaitan dengan pembekalan ayer kepada awam.

Umor mesti-lah tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan

berbahasa Melayu ada-lah satu ke-utamaan.

Gaji: Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020x40-1660 sabulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan: Sechra berkontrak selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan: Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2-nya boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mestilah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 20 Januari, 1966.

Penterjemah Inggeris/Melayu Dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi beberapa jawatan kosong sebagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei. Hanya chalon2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah yang di-kehendaki sahaja yang perlu memohon.

Kelayakan2 — Chalon2 mesti-lah dari bangsa Melayu, telah lulus Overseas School Certificate dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalon2 hendak-lah juga dapat membaca dan menulis tulisan Jawi

Gaji: — Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan \$350 - 370 - 380x20 - 620 sabulan atau dalam tingkatan \$570x30 - 840 sabulan. Tingkatan gaji yang dipakai dan gaji permulaan akan bergantung di-atas kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan—Chalon2 yang bukan ra'ayat Sultan akan di-lantek sechra berkontrak selama 3 tahun tempoh yang mana enam bulan yang pertama akan dalam perhubungan. Kontrak boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis:—Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Tambang: — Tambang kapal laut kelas satu atau dua bergantung di-atas gaji akan di-adakan bagi chalon yang ber-

jaya, isteri-nya dan hingga 3 orang anak yang berumur di-bawah 18 tahun.

Chuti:—Chuti sebanyak 24 atau 26 hari sa-tahun bergantung di-atas gaji.

Rumah:—Jika ada, akan di-adakan dengan bayaran sewa sebanyak 10% dari gaji sabulan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Januari, 1966.



Pihak Polis telah mengeluarkan amaran kepada orang2 yang mempunyai kerbau supaya jangan-lah membiarkan kerbau mereka berkeliaran di-jalan2 raya. Amaran itu menyebutkan bahawa sa-kira-nya kerbau2 itu di-dapati berkeliaran di-jalan raya, orang2 yang mempunyai kerbau akan di-denda hingga ka-\$150. Dalam gambar ini kelihatan sa-orang Inspektor dari Pasukan Polis Diraja Menengah Rusohan dan beberapa orang polis menangkap sa-ekor kerbau yang di-dapati berkeliaran di-sabuh jalan raya di-Negeri Brunei baru2 ini.

PEON

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan: Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.1-2-3-4-5-6 \$143x3-158-160-180x4-200.

Pemohonan2 mesti-lah di-di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 Disember, 1965.

Sokan dan Olah Raga Sekolah2 Melayu Seluruh Brunei

oleh Awang Md. Husain Zainal

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei yang telah di-jalankan pada minggu lalu, ada-lah seperti berikut:-

BAHAGIAN BOLA JARING

(i) Pada 8 Disember, 1965:

Perlawanan suku akhir antara Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut dengan Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong, bertempat di-gelanggang Bunut. Keputusan-nya Pasokan Bunut menang dengan 20 mata tidak berbalas.

(ii) Pada 9 Disember, 1965:

Perlawanan Suku Akhir antara Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu Menengah S.M.J.A. dengan Johan Brunei III, Pasokan Sekolah Melayu Puduk, bertempat di-gelanggang S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Menengah S.M.J.A. menang dengan 9 mata berbalas 1 mata.

(iii) Pada 11 Disember, 1965:

Perlawanan sa-tengah akhir dan akhir di-jalankan serempak pada hari itu, bertempat di-gelanggang S.M.J.A.

(a) Perlawanan sa-tengah Akhir:-

(1) Antara Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu Menengah S.M.J.A. dengan Johan Belait, Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria. Keputusan-nya Pasokan Muhammad 'Alam Seria menang dengan 6 mata berbalas 5 mata.

(2) Antara Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut dengan Johan Temburong, Pa-

sokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar. Keputusan-nya Pasokan Bunut menang dengan 9 mata berbalas 1 mata.

(b) Perlawanan Akhir: Antara

Johan Belait, Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria dengan Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut. Keputusan-nya Pasokan Bunut menang 9 mata berbalas 7 mata.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut menjadi Johan Bola Jaring (Net-ball) antara Sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei bagi tahun 1965, dan yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani kepada Pasokan2 yang berjaya.

Hadiah Rebutan yang di-rebutkan pada tiap2 tahun ia-lah Piala Perak Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani, di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut.

BAHAGIAN BOLA TAMPAR

(i) Pada 9 Disember, 1965:

Perlawanan Suku Akhir antara Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Delima I, dengan Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Bangar menang dengan 21-2 mata dan 21-1 mata.

(ii) Pada 10 Disember, 1965:

Perlawanan Suku Akhir antara Jo-

han Brunei III, Pasokan Sekolah Melayu Pengkal Batu dengan Johan Belait, Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. Keputusan-nya Pasokan Ahmad Tajuddin menang dengan 21-7 mata dan 21-4 mata.

(iii) Pada 12 Disember, 1965:

Perlawanan sa-tengah akhir dan akhir di-jalankan serempak pada hari itu bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei.

(a) Perlawanan sa-tengah akhir:

(1) Antara Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, dengan Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Keputusan-nya Pasokan Bangar menang dengan 21-3 mata dan 21-2 mata.

(2) Antara Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu Menengah S.M.J.A., dengan Johan Belait, Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. Keputusan-nya Pasokan S.M.J.A. menang dengan 23-21 mata dan 21-9 mata.

(b) Perlawanan Akhir: Antara Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar dengan Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu Menengah S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Bangar menang dengan 23-21 mata dan 21-11 mata.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menjadi Johan Bola Tampar (Volley-ball) antara Sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei bagi tahun 1965, dan yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Menengah S.M.J.A.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pengelola Pelajaran Melayu Awang Md. Husain bin Md. Yusof kepada Pasokan2 yang berjaya.

Hadiah Rebutan yang di-rebutkan pada tiap2 tahun ia-lah Perisai Yang Mulia Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim.

Sa-bilangan dari murid2 Sekolah Ugama Labi kelihatan bermaudid di-majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-tangsungkan di-Mukim Labi baru2 ini.



Kanak2 dan orang2 dewasa dalam gambar ini kelihatan bergembira di-Pasar Gembira yang telah diadakan di-Mukim Labi dua minggu yang lalu pada masa Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.



LUMBA BASIKAL:

3 Rekod Baru Di-Chiptakan

TONGKADEH. — Lumba Basikal sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-tanggohkan semenjak bulan September yang lalu, di-sehbabkan berlaku-nya wabak kolera di-negeri ini, telah di-langsungkan di-Kawasan Tongkadeh, Pekan Brunei pada pagi hari Ahad 12 Disember, 1965.

Perlumbaan Basikal itu telah di-bahagikan kepada empat bahagian, ia-itu Bahagian2 Orang Tua, Senior, Junior dan Perempuan.

Bahagian2 Orang Tua, Senior dan Junior ia-lah sa-jauh 10 batu, ia-itu 20 kali keliling Kawasan Tongkadeh, manakala Bahagian Perempuan pula ia-lah sa-jauh 5 batu, ia-itu 10 kali keliling kawasan itu.

Sa-banyak 3 rekod baru telah di-chiptakan di-temasha Lumba Basikal tersebut, ia-itu 2 rekod dalam Perlumbaan Bahagian Senior dan satu rekod dalam Perlumbaan Bahagian Perempuan. Keputusan perlumbaan itu ada-lah seperti berikut:

Bahagian Orang2 Tua: Pertama—Charlie Keasberry—Masa-nya 47 minit, 30 sa'at. (Rekod tahun lepas 37 mi-

nit, 6.5 sa'at di-chiptakan oleh O. Thomas) Kedua—Douglas Boyd.

Bahagian Senior: Pertama R. Thomas — masa-nya 27 minit, 58 sa'a, ia-itu rekod baru. (Rekod tahun lepas 28 minit, 28.5 sa'at di-chiptakan oleh Albert Khoo.) Kedua — Henry Chin — masa-nya 28 minit, 0.1 sa'at, ia-itu rekod baru juga. Ketiga — Raman Sudin.

Bahagian Junior: Pertama — Awangku Ahmad bin Pengiran Apong — masa-nya 31 minit, 14 sa'at (Rekod tahun lepas 29 minit, 22.8 sa'at di-chiptakan oleh R. Thomas.) Kedua — Awangku Rajid bin Pengiran Apong dan Ketiga — Shahari bin Mohamed Ali.

Bahagian Perempuan: Pertama Jennie Chee—masa-nya 19 minit, 15 sa'at, ia-itu rekod baru. (Rekod tahun lepas 19 minit, 32 sa'at di-chiptakan oleh Leong Siew Choon.) Kedua — Wong Mei Fun dan Ketiga—Wong Mei Yin.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Piut.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Majlis Menyampaikan Sijil Maktab Perguruan Melayu Brunei bertempat di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam Ahad yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin sedang memberikan ucapan di-majlis tersebut.

Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong

TUTONG. — Seramai 11 orang penyanyi2 lelaki dan 5 orang penyanyi2 perempuan yang telah di-pilih dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong. Peringkat Separoh Akhir, telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Daerah Tutong.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-Dewan Kembang Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong pada malam Ithnin yang lalu dengan memperoleh sambutan yang baik dari kalangan orang ramai.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah merasmikan pembukaan Pertandingan Bintang Radio tersebut.

Pengiran Siti Zabidah binti Pengiran Shahbandar Anak Hashim, ia-itu isteri Pengiran Othman pula, telah menyampaikan hadiah2 kepada biduan2 dan bi-duanita2 yang berjaya dalam Pertandingan Bintang Radio tersebut.

Keputusan Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong yang telah di-langsungkan pada malam Ithnin yang lalu ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI

LANGGAM: Johan — S. Din, Naib Johan — A.S. Hamid, ASLI: Johan — Adli Jais, Naib Johan — A.S. Hamid

BAHAGIAN WANITA

LANGGAM: Johan — Rokayah Idris, Naib Johan — Zaleha Manan, ASLI: Johan — A.S. Noriah Iden, Naib Johan — Rokayah Idris.

Dengan keputusan tersebut, Daerah Tutong akan di-wakili oleh Biduan S. Din, Biduan Adli Jais, Biduanita Rokayah Idris dan Biduanita A.S. Noriah Iden dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 yang akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada masa Sambutan Hari Raya Puasa akan datang.



Peraduan Bacaan Al-Koran Kejohanan Seluruh Brunei

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Bacaan Al-Koran Kejohanan Seluruh Negeri Brunei bagi Tahun Hijrah 1385 telah di-langsungkan dengan sempurna-nya di-lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 9 dan 10 Disember, 1965.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dan juga Sijil2 ka-

pada semua peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan Bacaan Al-Koran tersebut.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah merasmikan pembukaan Peraduan Bacaan Al-Koran itu.

Keputusan peraduan tersebut adalah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Abdullah bin Lakim, mendapat 83.75 markah, Naib Johan — Awang Abdul Hamid

bin Munap, mendapat 80 markah. Pemenang Ketiga — Awang Abdul Wahab bin Pehin Tuan Imam Haji Metassim, mendapat 79.87 markah. Semua peserta2 tersebut ada-lah dari Daerah Brunei dan Muara.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Aminah binti Siling dari Daerah Brunei dan Muara, mendapat 82.5 markah, Naib Johan — Dayang Rubiah binti Haji Mohamed Jawi dari Daerah Tutong, mendapat 74.62 markah. Pemenang Ketiga — Dayang Kula binti Haji Idris dari Daerah Brunei dan Muara, mendapat 73.62 markah.

Mewakili Brunei Dalam Peraduan Antara Bangsa

Maka dengan keputusan tersebut, Awang Abdullah bin Lakim dan Awang Abdul Hamid bin Munap serta Dayang Aminah binti Siling dan Dayang Rubiah binti Haji Mohamed Jawi telah di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei dalam Peraduan Bacaan Al-Koran Antara Bangsa di-Kuala Lumpur dalam bulan Januari akan datang.

Menunaikan Fardhu Haji

Awang Abdullah bin Lakim dan Dayang Aminah binti Siling, bukan sahaja dapat mengambil bahagian dalam Peraduan Bacaan Al-Koran Antara Bangsa di-Kuala Lumpur, bahkan mereka juga di-berikan peluang untuk menunaikan fardhu Haji atas perbelanjaan Kerajaan dengan menaiki kapal terbang dari Brunei ka-Jeddah melalui Kuala Lumpur dan balik ka-Brunei dengan kapal terbang juga sa-lepas menunaikan fardhu Haji.

Alangkah indah-nya kelihatan pentas ini yang di-bina oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei di-lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Di-pentas khas ini-lah telah di-langsungkan Peraduan Bacaan Al-Koran Kejohanan Seluruh Negeri Brunei pada malam 9 dan 10 Disember, 1965.



Ini-lah wajah-nya biduan2 dan bi-duanita2 yang telah berjaya menyanggud gelaran Johan Asli dan Langgam dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong baru2 ini. Dari kiri: Adli Jais, Rokayah

Idris, S. Din dan A.S. Noriah Iden. Mereka akan mewakili Daerah Tutong dalam Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Seluruh Brunei pada masa Sambutan Hari Raya Puasa akan datang.

